

NO. SOALAN: 40

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA (TASEK  
GELUGOR)**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) pencapaian pembangunan industri dan tanah wakaf di seluruh negara yang diuruskan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR); dan
- (b) pencapaian dalam pembangunan zakat di Malaysia dan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan penyelarasan urus tadbir zakat di Malaysia.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh RMKe 9 hingga RMKe 10, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf Zakat Haji (JAWHAR) telah berjaya membangunkan sebanyak 15 buah projek di atas

tanah wakaf, manakala 2 projek masih dalam pembinaan dengan kos keseluruhan sebanyak RM257.69 juta. Kesemua projek tersebut dibangunkan dalam pelbagai kategori seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kebajikan. Projek-projek yang telah siap diserahkan sepenuhnya kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berkenaan untuk diuruskan serta mampu menjana hasil kepada dana wakaf MAIN tersebut.

Menerusi pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR dengan kerjasama MAIN, tanah-tanah wakaf yang suatu masa dahulu belum dibangunkan, kini dapat memberi pulangan besar kepada MAIN dan masyarakat setempat. Kejayaan membangunkan ikon-ikon wakaf ini telah menjadi satu transformasi yang penting dalam pengurusan tanah wakaf di Malaysia. Ikon-ikon wakaf ini bukan sahaja menjadi contoh di dalam Negara tetapi turut menjadi tarikan kepada pihak luar yang kagum dengan konsep pembangunan tanah wakaf tersebut yang telah menghasilkan impak berganda kepada masyarakat. Seajar dengan pencapaian ini, Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR akan terus memberi komitmen untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang masih belum dibangunkan di seluruh Negara untuk faedah dan kemajuan ummah.

- (b) Berhubung pencapaian dalam pembangunan zakat , dimaklumkan bahawa pembangunan institusi zakat di Malaysia telah melalui era transformasi tersendiri sejak dahulu hingga ke mutakhir ini. Umumnya, urusan zakat yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui MAIN telah berkembang pesat hingga membolehkan jumlah kutipan dan agihan meningkat sehingga melebihi RM1 bilion pada tahun 2013.

Peningkatan ini adalah didorong oleh urus tadbir yang cekap, di samping penggunaan pelbagai teknologi moden termasuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang secara langsung dan tidak langsung telah melonjakkan keyakinan masyarakat sama ada di peringkat individu mahupun sektor korporat untuk melaksanakan ibadah zakat dengan konsisten dan sistematik.

Mengenai penyelarasan urus tadbir zakat pula, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi maksud memperkasakan urus tadbir zakat di nrgara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah mengadakan program peningkatan kefahaman di kalangan anggota masyarakat tentang peri pentingnya ibadah zakat di dalam Islam, penganjuran bengkel dan seminar berkaitan tadbir urus zakat serta menerbitkan beberapa Manual Pengurusan berkaitan zakat untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan MAIN.

Sekian, terima kasih.